

Projek Intervensi sebagai Kaedah Penambahbaikan Pencapaian Pelajar

Intervention Project as a Method for Improving Student Achievement

Sarbanun Ismail
Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Permai, Ampang, Selangor, Malaysia

Correspondence: sarismail67@gmail.com

Received: 13 September 2023; **Accepted:** 31 October 2023; **Published:** 30 June 2023

To cite this article (APA): Ismail, S. (2023). Projek Intervensi sebagai Kaedah Penambahbaikan Pencapaian Pelajar: Intervention Project as a Method for Improving Student Achievement. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(1), 67–71. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol1.1.5.2023>

Abstrak

Projek intervensi ini dijalankan di sekolah menengah di Selangor. Ia melibatkan mata pelajaran Sejarah yang merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib lulus atau Layak Mendapat Sijil SPM (LMS) selain Bahasa Melayu. Kedua-dua subjek ini adalah penanda aras pencapaian akademik di sesebuah sekolah. Namun begitu, pelaksanaan projek ini dikhususkan kepada subjek sejarah sahaja. Dorongan utama projek ini dilaksanakan adalah berasaskan kepada beberapa perkara. Pertamanya, jika isu berkaitan subjek ini tidak ditangani, ia akan menjejaskan pencapaian peratus lulus SPM dan ini memberi kesan besar kepada masa depan murid. Di samping itu, kelemahan penguasaan subjek sejarah juga mendatangkan impak yang tidak baik kepada negara. Kegagalan memahami sejarah negara berpotensi untuk melahirkan generasi muda yang buta sejarah dan pudar semangat patriotismenya. Pelaksanaan projek intervensi berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam subjek sejarah.

Kata Kunci: Projek Intervensi, Pelaksanaan, Pencapaian Pelajar, Sejarah, Strategi

STRATEGI DAN PERLAKSANAAN

PROJEK INTERVENSI 1: PROJEK BERSEPADU IMPAK MAKSIMA

Berdasarkan dapatan Semakan Pencapaian Keseluruhan Calon terdapat 109 calon gagal Sejarah. Sehubungan itu, projek intervensi ini dijalankan. Projek Bersepadu Impak Maksima, menggabungkan beberapa aktiviti yang menasaskan guru dan murid. Bagi menangani isu pertama iaitu peratus murid mendapat sijil lulus berfokuskan lulus mata pelajaran Sejarah.

Murid didorong dengan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam menjawab soalan Sejarah kertas 2 untuk meningkatkan kualiti. Guru juga perlu bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran dengan berkesan. Oleh itu murid perlukan pendedahan teknik penguasaan yang menarik bagi meningkatkan rasa minat mereka terhadap mata pelajaran Sejarah.

PELAKSANAAN

Aktiviti 1; *Dialog prestasi dan melaksanakan postmortem*

Aktiviti utama Projek Impak Maksima adalah dialog prestasi dan melaksanakan *postmortem* bagi mendapatkan maklumat untuk penambahbaikan bagi pencapaian mata pelajaran Sejarah SPM 2022 nanti. Sasaran adalah terdiri daripada semua guru Sejarah seramai 13 orang termasuk semua barisan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP)

- (i) Ketua Panitia membentangkan laporan intervensi instruksional yang dilaksanakan bagi mengatasi isu strategik mata pelajaran ini. Murid yang terpilih untuk program ini adalah murid yang gagal seramai 160 orang berdasarkan markah Pentaksiran 1.
- (ii) Pelajar dibahagikan kepada kumpulan dan diletakkan dibawah pelan intervensi yang berbeza pendekatannya. Pelajar diuji melalui tiga proses penilaian *checkpoint* (CP) untuk melihat kemajuan pencapaian mereka.
- (iii) Sepanjang pelaksanaan dialog prestasi, murid dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut kategori markah;

Kumpulan 1	Kumpulan 2	Kumpulan 3
GALUS	GAGAL	SANGAT LEMAH
MARKAH; 30-45	MARKAH; 20-30	MARKAH; 0-20

- (iv) Pelaksanaan adalah mengikut guru mata pelajaran Sejarah di kelas masing-masing dan secara berkumpulan. Ketua panitia (KP) menyelaras dari segi bahan yang perlu disediakan dalam bentuk modul oleh guru-guru yang telah ditugaskan.
- (v) Penilaian keseluruhan dilakukan melalui sesi rumusan dengan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan dan ingatan untuk merekodkan pelan intervensi yang dilaksanakan bagi memastikan peratus lulus mata pelajaran sejarah pada 2022.

Aktiviti 2: *Bengkel Pembugaran Berfokus*

Bengkel ini disertai Penolong Kanan Pentadbiran dan barisan Guru Kanan Matapelajaran mengikut kepakaran masing-masing. Bengkel ini membolehkan perkongsian (i) pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan potensi orang lain (ii) mengupayakan orang bawahan untuk melaksanakan perubahan berasaskan bidang fokus iaitu pengajaran yang berkualiti demi meningkatkan pencapaian akademik murid. (iii) Memberi peluang guru-guru berkongsi cara pengajaran mengikut rubrik

Aktiviti 3: *Bengkel Penandaan Sejarah –Kertas 2 SPM*

Bengkel ini dilaksanakan untuk memberi ilmu pengetahuan yang lebih strategik kepada guru panitia Sejarah. Pengisian bengkel adalah teknik menanda SPM KSSM terkini kerana ia akan memberikan kemahiran dan pengetahuan tentang teknik menanda kertas dua dengan lebih berkesan. Tenaga pakar dari luar iaitu ketua pemeriksa kertas Sejarah SPM di peringkat daerah. Pendedahan membolehkan guru mengesan kelemahan dan memperbaiki kelemahan tersebut bagi membantu pelajar memperbaiki markah mereka.

Aktiviti 4; GASAK Keterbezaan (Bengkel Teknik Menjawab)

Bengkel ini melibatkan kaedah kolabratif yang melibatkan bersama empat buah sekolah yang mengalami masalah kejatuhan kelulusan mata pelajaran sejarah. Ia melibatkan 120 orang pelajar dan pendedahan dilakukan dengan menjemput penceramah dari luar iaitu salah seorang panel penggubal soalan peperiksaan Sejarah SPM. Guru Panitia Sejarah dan beberapa guru lain berbincang dengan santai tentang bahan dan modul yang boleh digunakan bagi membantu para pelajar.

PROJEK INTERVENSI 2: PROJEK BRIDGING THE GAP

Menangani masalah peratus kehadiran yang berada di bawah 90% untuk sesi bersemuka persekolahan dengan berfokuskan sifar ponteng dan sifar salahlaku disiplin. Ia menumpukan usaha untuk meningkatkan motivasi murid untuk hadir ke sekolah dan gembira bila berada di dalam kawasan sekolah. Guru tingkatan perlu memainkan peranan besar dalam langkah ini.

PERLAKSANAAN

Aktiviti 1: Ceramah Motivasi keibubapaan -Anakku Sayang

Ceramah ini melibatkan guru tingkatan 5 dan ibu bapa kepada pelajar tingkatan 5 yang terlibat dengan kes ponteng. Penceramah yang terkenal dalam daerah kajian telah dijemput dan beliau memberikan ceramah kekeluargaan dan berkongsi pengalamannya sebagai anak yang tidak dihargai di dalam keluarga. Perkongsian penceramah berhubung kesan daripada sikap ibu bapa yang tidak menghiraukannya diharap membuka perspektif baharu kepada ibu bapa.

Aktiviti 2: Ceramah Anakku Sayang

Sasaran adalah pelajar tingkatan 5 yang terlibat dalam kes ponteng dan untuk memaksimumkan jumlah peserta, semua pelajar sesi pagi dan petang dilibatkan. Ceramah kesedaran disampaikan pegawai perhubungan sekolah untuk Balai Polis berhampiran. Daripada ceramah ini pelajar diingatkan supaya tidak terlibat dengan kes ponteng kerana ponteng merupakan punca kepada segala salah laku yang terjadi dalam kalangan pelajar sekolah. Pelajar diberi amaran untuk tidak terjebak dengan gejala sosial yang boleh membawa kepada kes jenayah seperti buli, *gengsterisme* serta bergaduh sama ada di dalam atau di luar sekolah.

DAPATAN KAJIAN

Projek Intervensi 1: Projek Bersepadu Impak Maksima

Setelah selesai semua aktiviti penulis menggunakan proses 4 Tahap yang dicadangkan oleh Kirkpatrick dan Kirkpatrick. Tahap Pertama, daripada pemerhatian, para guru didapati teruja untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan. Guru mempamerkan keseronokan kerana ini adalah LADAP yang pertama diadakan selepas PKP melanda negara. Tahap Kedua Pembelajaran, saya menggunakan instrumen pra ujian dan pasca ujian sebelum dan selepas sesuatu aktiviti melalui *google form*.

Hasil yang diperoleh daripada ujian pasca didapati mendapat maklum balas yang positif kerana sebanyak 75% mendapat markah melebihi 10 daripada 15 soalan berbanding pra ujian hanya 22% sahaja. Ini membuktikan bahawa bengkel yang dianjurkan adalah berkesan.

Tahap Ketiga, proses pencerapan dilakukan dengan tujuan untuk menilai perubahan tingkahlaku sasaran sebenar iaitu guru Sejarah. Daripada dapatan yang diperoleh berlaku perubahan tingkahlaku guru-guru dalam melaksanakan pengajaran berkualiti.

Projek Intervensi 2: Projek Bridging the Gap

Penilaian dilakukan melalui proses 4 Tahap yang dicadangkan oleh Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006). Tahap Pertama, daripada pemerhatian, didapati para guru tingkatan 5 dan guru matapelajaran tingkatan 5 yang seramai 23 orang mempamerkan kegembiraan untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan. Manakala ibu bapa yang hadir pula hanya seramai 27 orang termasuk AJK Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Tahap Kedua Pembelajaran dinilai melalui instrumen borang maklum balas Penilaian Program yang diedarkan sepanjang aktiviti sedang berjalan. Keputusan menunjukkan seramai 50 orang yang hadir purata memberi skor 21.08 berbanding wajaran 25 untuk isi kandungan ceramah. Manakala purata memberi skor 19.24 wajaran 20 kepada penampilan penceramah. Yang terakhir purata memberi 4.92 berbanding wajaran 5 kepada persediaan tempat.

Tahap Ketiga adalah proses temubual dengan guru tingkatan untuk menilai perubahan tingkahlaku sasaran sebenar iaitu guru. Temubual yang dijalankan memperlihatkan bahawa terdapat perubahan cara guru berkomunikasi. Hasil daripada ceramah, cara percakapan mereka dengan pelajar lebih positif. Tingkahlaku positif itu dipamerkan ketika berurusan sewaktu menguruskan kedatangan setiap pagi.

Tahap keempat, hasil dapatan daripada pemerhatian dan temubual bersama-sama guru termasuk guru tingkatan 5, hasil yang diperoleh ialah kehadiran pelajar ada sedikit peningkatan berdasarkan data APDM sehingga bulan Ogos sebanyak 4.93% dalam jangkamasa 8 minggu. Data kehadiran sehingga bulan Ogos 2022 menunjukkan ada sedikit peningkatan untuk pelajar tingkatan lima. Namun masih terdapat ketidakan hadir tegar dan peranan guru kaunseling sangat diperlukan dalam menangani masalah ini.

KESIMPULAN

Penguasaan pelajar meningkat dengan adanya aktiviti bersepadu yang menggabungkan dua perkara iaitu (i)keperluan guru melalui meningkatkan kualiti pengajarannya (ii) keperluan murid dalam memberi fokus terhadap isi pelajaran yang disampaikan dengan berkesan dan seronok. Kedua-dua perkara ini mengoptimumkan peluang sekolah untuk meningkatkan peratus lulus mata pelajaran Sejarah. Secara tidak langsung ia turut meningkatkan peratus layak mendapt sijil (LMS) dalam peperiksaan SPM. Selain itu, penambahbaikan serta tindak susul dalam melengkapkan Projek Bersepadu Impak Maksima juga memainkan peranan penting. Ia termasuklah kesedaran dan kesediaan guru untuk melengkapkan diri dengan ilmu baharu yang lebih menarik untuk dipraktikkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ia akan membantu kecemerlangan dan kemenjadian murid. Bagi Projek *Bridging The Gap* pula, kesannya bukan sahaja kepada pelajar itu sendiri malahan kepada masyarakat setempat. Melalui projek ini, jika semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan pelajar malahan komuniti

setempat juga mengambil tanggungjawab menangani isu ponteng ini, maka sudah tentulah akan mengurangkan kes gejala sosial dan kes keciciran yang sedang meningkat di kalangan remaja sekolah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan pentadbir dan semua guru mata pelajaran sekolah yang terlibat yang telah banyak membantu dan memberi sokongan kepada penulis semasa projek perantisan ini dilaksanakan.

RUJUKAN

Mohd Fadli Hamzah. (2022). Syarat Sejarah Subjek Wajib Lulus SPM Kekal,Putrajaya *Berita Harian* dicapai atas talian <https://www.bharian.com.my>>berita

Burhanuddin Jalal. (2016). Sekolah Berwatak. Ensiklopedia Pendidikan. *Berita Harian* dicapai atas talian <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/11/217290/3-ciri-utama-perlu-ada-pada-pemimpin>.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng Di Sekolah

KirkpatrickD. L. Kirkpatrick J. D. (2006). *Evaluating Training Program: The Four Level* (3rded). San Francisco CA: Berrett-Koehler Publishers Inc.

James Ang Jit Eng Ed.D, Balasandran A. Ramiah DBA. (2023). *Kepimpinan Instruksional* (Edisi Ketiga). Publishing House PTS 2023

Institusi Aminuddin Baki. (2019) *Kamus Kompetensi Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)* (Cetakan kedua). Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia

Yaacob Daud Yahya Don. (2012). Budaya sekolah kepimpinan transformasi dan pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 111-139. www.mji.uum.edu.my/images/pdf/9mjli/mjli96budaya.pdf